

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi puji dipanjatkan ke hadrah Ilahi kerana dengan izinNya, tesis ini dapat disempurnakan.

Saya dengan seikhlas hati merakamkan setinggi-tinggi penghargaan khususnya kepada penyelia saya, Prof. Dr. Zainab Awang Ngah di atas bimbingan, teguran, tunjuk ajar, nasihat dan bantuan yang telah dihulurkan sepanjang tempoh penyelidikan dan penulisan tesis ini. Terima kasih yang tidak terhingga kerana terus memberi nasihat, teguran dan bimbingan tanpa jemu-jemu sehingga ke penghujungnya.

Sekalung penghargaan juga kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah membiayai pengajian ini. Juga kepada Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, Pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang.

Akhir sekali tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang sentiasa membantu, Prof. Madya Dr. Abrizah Abdullah, Dr. Nor Edzan Che Nasir, Dr. Hasnah Abdullah, Dr. Mazlan Aris dan individu lain yang secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam kajian ini.

Terima Kasih.